

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 1 OGOS 2024

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 15

Semua kementerian disaran bekerjasama tingkat kesedaran

Semua kementerian disaran bekerjasama tingkat kesedaran

SHAH ALAM - Semua kementerian disarankan supaya bekerjasama dalam memainkan peranan melaksanakan program sosial bagi meningkatkan kesedaran orang ramai berhubung inisiatif dan bantuan penyasaran subsidi di negara ini.

Naib Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Datuk Indrani Thuraisingham berkata, tindakan meningkatkan kesedaran itu tidak sepatutnya diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Saraw Hidup (KPDN) sahaja, sebaliknya memerlukan usaha secara bersepdua

daripada semua kementerian. "Ada banyak program yang telah kerajaan keluarkan, saya rasa sekurang-kurangnya ada 61 program sosial telah dikeluarkan tetapi semua ini dikeluarkan oleh kementerian berlainan dan mereka seolah-olah tidak berada dalam satu naungan yang besar.

"Jadi kita nampak ada pengasingan atau silo. Kadang-kala ada keluarga yang menerima bantuan dari tiga atau empat program, tetapi ada keluarga yang tidak terima apa-apa.



INDRANI

"Saya rasa Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) yang telah diperkenalkan kerajaan itu adalah sistem yang amat bagus kerana ia boleh kenal pasti siapa golongan-golongan rentan yang boleh mendapatkan bantuan se-cukupnya," katanya.

Dalam pada itu, ujar Indrani, kerajaan juga perlu mengenakan hukuman lebih tegas kepada mana-mana peniaga yang cuba mengambil kesempatan menaikkan harga barang susulan penyasaran semula subsidi.

Menurutnya, meskipun pihak KPDN sedang mengawal atau melakukan pemantauan melalui Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 namun, ia belum mencukupi.

"Saya rasa hanya keluarkan notis sahaja tidak cukup, kita kena mengenakan penalti yang begitu tegas.

"Sama ada menggantung lesen mereka atau memberi penalti begitu tegas. Sekarang hukuman penalti sangat terhad.

"Jadi kita kena pastikan supaya menegaskan mereka ini tidak mengambil kesempatan sewenang-wenangnya," ujarnya.